

PENDAHULUAN

I. Pengenalan

Konflik antara undang-undang Islam dan Sivil telah banyak diperkatakan oleh para ilmuan serta tokoh-tokoh perundangan memandangkan ianya merupakan isu semasa yang masih berterusan hingga ke hari ini. Hal ini telah menyebabkan mereka tidak pernah berhenti daripada mengkaji serta menulis masalah serta konflik yang timbul dalam pelbagai isu perundangan. Antara yang agak banyak diperkatakan dan sering dijadikan topik perbincangan ialah konflik yang terhasil daipada pemelukan agama Islam seorang suami atau isteri dalam perkahwinan Sivil yang berpunca daripada pertentangan antara peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam di negeri-negeri dan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Punca utama konflik ialah apabila hanya satu pihak daripada pasangan perkahwinan bukan Islam memeluk Islam dan pasangannya yang satu lagi kekal dalam agama bukan Islam. Dalam keadaan ini, pihak-pihak akan tertakluk kepada dua perundangan yang berbeza dan beberapa peruntukan yang bertentangan antara kedua-dua undang-undang tersebut. Antara punca utama konflik ini adalah, seksyen 51 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 iaitu berkenaan hak untuk membubarkan perkahwinan. Seterusnya, isu perundangan berbangkit terhadap hak-hak pasca pemelukan Islam tersebut seperti hak-hak terhadap nafkah, jagaan anak, pewarisan dan sebagainya.

Sebagai satu usaha mendalami ilmu serta mengatasi konflik yang timbul dalam hal ini, penulis merasa terpanggil untuk mengkaji secara khusus satu masalah atau implikasi yang timbul dalam kes pemelukan Islam iaitu berkenaan hak-hak serta tanggungjawab terhadap nafkah pihak-pihak yang terlibat. Oleh yang demikian, tajuk kajian adalah *Pemelukan Agama Islam: Implikasi Terhadap Hak-hak Nafkah Menurut Perspektif Undang-Undang Malaysia*.

II. Latarbelakang Kajian

Malaysia ialah sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum, bangsa, agama dan kepercayaan. Dalam sebuah negara yang pelbagai agama seperti Malaysia ini, pertukaran dari satu agama kepada satu agama yang lain bukan satu perkara yang mustahil. Malah ianya telah berlaku sejak lama dahulu. Pertukaran dari satu agama kepada satu agama yang lain bermaksud pertukaran secara rasmi anutan agama sedia ada kepada suatu agama baru.

Dalam Islam, pemelukan agama Islam oleh seseorang bukan Islam melibatkan perubahan cara hidup seseorang dan pertukaran keseluruhan kepercayaan kepada satu *i'tikad* dan keyakinan. Di Malaysia, pemelukan agama Islam oleh salah satu pihak dalam perkahwinan bukan Islam akan menghasilkan beberapa implikasi perundangan. Apabila seseorang itu memeluk Islam, ianya bukan sahaja melibatkan perubahan kepercayaan atau *i'tikad*, malah undang-undang yang terpakai ke atasnya juga adalah berubah.

Menurut perundangan Malaysia, undang-undang diri (*personal law*) terbahagi kepada dua iaitu undang-undang diri untuk orang Islam dan undang-undang diri untuk orang bukan Islam. Bagi orang bukan Islam, undang-undang diri (*personal law*) yang memperaturkan hal-hal perkahwinan dan perceraian yang terpakai ke atas mereka ialah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (selepas ini disebut Akta 1976). Bagi orang Islam pula, undang-undang yang terpakai ke atas mereka ialah Undang-Undang Keluarga Islam di setiap negeri.

Menurut perundangan Islam, pertukaran agama oleh salah seorang pasangan samada daripada agama Islam kepada agama lain, atau daripada agama lain kepada agama Islam adalah, merupakan salah satu faktor berlakunya pembubaran perkahwinan, sekiranya pasangan beliau tidak turut serta berbuat demikian. Walaubagaimanapun, terdapat perbezaan pendapat samada pembubaran mengambil kesan secara langsung ataupun setelah habis waktu ‘*iddah*. Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia mempunyai satu peruntukan yang khusus mengenai kesan pertukaran agama terhadap status perkahwinan. Walaubagaimanapun, dalam hal ini terdapat perbezaan peruntukan perundangan dengan undang-undang Sivil.

Oleh yang demikian, perkara penting yang menjadi isu dalam soal pemelukan agama Islam seperti ini adalah apabila melibatkan dua undang-undang yang berbeza iaitu Undang-Undang Keluarga Islam dan Akta 1976. Antara isu yang akan timbul ialah, apakah kedudukan status perkahwinan mereka menurut perspektif undang-undang Sivil apabila hanya salah satu pasangan memeluk Islam dan pasangannya yang satu lagi tidak berbuat demikian? Isu lain pula adalah, meskipun terdapat peruntukan khusus dalam Undang-Undang Keluarga Islam yang menyatakan bahawa Mahkamah Syariah berbidangkuasa mengesahkan pembubaran perkahwinan mereka, persoalannya, adakah

perintah yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Syariah terpakai ke atas pasangan yang tidak memeluk Islam?.

Dalam hal ini, terdapat satu peruntukan khusus dalam Akta 1976 yang memberi hak kepada pasangan yang tidak memeluk Islam untuk membubarkan perkahwinan selepas tiga bulan dari tempoh pemelukan Islam pasangan yang satu lagi.¹ Persoalan timbal balik yang berbangkit pula, adakah perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Sivil terpakai kepada pihak yang memeluk Islam memandangkan dia telah menganut agama Islam?. Sekiranya pembubaran perkahwinan tidak dibuat oleh pihak yang tidak memeluk Islam, adakah perkahwinan mereka masih dianggap wujud dari sudut undang-undang Sivil walaupun pembubaran telah berlaku menurut undang-undang Islam?.

Ditinjau dari perspektif ini, isu yang lebih penting seterusnya yang berbangkit adalah berkenaan dengan tanggungjawab dan hak-hak kedua pasangan selepas pemelukan Islam oleh salah satu pasangan tersebut. Beberapa implikasi perundangan yang akan timbul antaranya ialah dari segi kedudukan serta hak-hak atau tanggungjawab yang wujud antara pihak-pihak selepas berlakunya pemelukan Islam. Ianya adalah samada berpuncu dari hak jagaan dan penjagaan anak, hak terhadap harta sepencarian, hak pewarisan, nafkah, atau lain-lain hak yang berkaitan yang sering menjadi isu yang agak hangat diperkatakan sejak beberapa lama dulu.

Di sini penulis menjadikan perkara nafkah sebagai persoalan utama kajian memandangkan ianya merupakan salah satu persoalan berbangkit dan merupakan isu semasa yang juga masih belum selesai diperdebatkan hingga ke hari ini. Sehingga saat penulisan ini dibuat, isu tersebut masih belum diselesaikan secara jelas terutamanya

¹ Seksyen 51(1) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

kepada pihak-pihak yang terlibat. Oleh yang demikian, satu penelitian yang mantap perlu dibuat dan didalami terhadap permasalahan yang timbul dalam kes berbangkit dari pemelukan Islam agar keadilan antara pihak-pihak dapat dicapai.

III. Pernyataan Masalah

Beberapa persoalan yang penulis dapati sebagai permasalahan kajian termasuklah seperti yang berikut:

1. Apakah implikasi yang timbul dalam kes pemelukan Islam terhadap status perkahwinan apabila salah satu pihak daripada pasangan perkahwinan bukan Islam memeluk Islam dan pasangannya kekal dalam agama asal?
2. Apakah hak-hak dan tanggungjawab pihak-pihak yang memeluk Islam berhubung nafkah terhadap isteri atau bekas isteri serta anak-anak samada anak kandung, anak angkat atau anak tak sahtaraf?
3. Adakah perintah yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Syariah berhubung perkara nafkah terpakai ke atas pihak yang tidak memeluk Islam?
4. Apakah punca timbulnya konflik dalam permasalahan ini?

IV. Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa matlamat seperti berikut:-

1. Mengenalpasti implikasi perundangan yang timbul terhadap nafkah dalam kes pemelukan Islam oleh salah satu pihak dari pasangan bukan Islam.
2. Mengenalpasti secara khusus, hak-hak dan tanggungjawab pihak-pihak yang memeluk Islam berhubung nafkah terhadap isteri atau bekas isteri serta anak-anak samada anak kandung, anak angkat atau anak tak sah taraf.

3. Mengkaji peruntukan-peruntukan yang menimbulkan konflik ini dalam hal ini.
4. Meneroka aspek-aspek penyelesaian yang boleh digunakan dalam menyelesaikan isu-isu yang timbul khususnya dalam perkara nafkah serta mengenalpasti bidangkuasa sebenar Mahkamah Syariah dalam perkara ini.

V. Kepentingan Kajian

Beberapa kepentingan telah dikenalpasti dalam kajian ini seperti berikut:-

1. Pengkajian isu-isu perundangan yang timbul di antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil berkenaan kesan pemelukan Islam oleh salah satu pihak dari pasangan bukan Islam, khususnya dalam perkara nafkah.
2. Menjadi rujukan tentang kedudukan nafkah pihak-pihak yang terlibat dari perspektif undang-undang Malaysia serta menurut Islam.
3. Hasil kajian boleh dimanfaatkan untuk pengetahuan serta rujukan bagi badan-badan penggubal polisi perundangan dan rujukan masyarakat yang berminat.
4. Kajian ini juga penting kerana ianya merupakan isu semasa yang mempunyai kaitan dengan masyarakat umum, yang mana menjadi suatu keperluan untuk mencari jalan penyelesaian terhadap konflik yang timbul.

VI. Skop Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah penerokaan mengenai implikasi perundangan yang timbul terhadap pemelukan Islam oleh salah satu pihak daripada pasangan bukan Islam. Walaubagaimanapun, penulis membataskan kajian ini kepada aspek nafkah sahaja dan juga kesan pemelukan Islam terhadap status perkahwinan. Ini kerana berdasarkan undang-undang Islam, kedudukan status perkahwinan merupakan salah satu faktor penentu kepada kewajipan membayar nafkah terhadap isteri.

Penulis membahagikan kajian ini kepada tiga bahagian, bahagian pertama adalah menyentuh persoalan pemelukan Islam samada menurut Fiqh dan perundangan serta kesan pemelukan Islam terhadap status perkahwinan pihak-pihak yang terlibat. Manakala bahagian kedua adalah menjelaskan persoalan nafkah serta implikasi pemelukan agama Islam terhadap hak-hak nafkah menurut undang-undang Islam (Syarak dan Enakmen Negeri) serta undang-undang Sivil. Manakala, bahagian ketiga adalah merupakan bahagian analisis yang menjelaskan kesan serta isu yang timbul dalam kes pemelukan Islam terhadap hak-hak nafkah menurut perspektif kedua-dua undang-undang Sivil dan Islam.

VII. Ulasan Literatur

Pemelukan agama Islam oleh seseorang individu bukan Islam merupakan perubahan kepercayaan daripada agama terdahulu kepada agama Islam. Di Malaysia, terdapat undang-undang yang memperuntukkan kehendak-kehendak yang perlu dipatuhi bagi mengesahkan seseorang itu telah memeluk agama Islam. Peruntukan-peruntukan tersebut terdapat dalam Akta serta Enakmen Pentadbiran Agama Islam setiap negeri. Bagi individu yang telah berkahwin, pemelukan agama Islam akan memberi kesan terhadap perkahwinannya yang terdahulu sekiranya pasangannya enggan turut sama memeluk Islam. Ini adalah kerana, mereka telah tertakluk kepada dua perundangan diri yang berbeza, iaitu Undang-Undang Keluarga Islam bagi pihak yang memeluk Islam dan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan Dan Perceraian) 1976 bagi pihak yang tidak memeluk Islam.

Memandangkan mereka telah tertakluk kepada dua perundangan yang berbeza, maka kesan yang timbul juga adalah berbeza. Peruntukan yang berbeza dalam kedua-dua undang-undang tersebut telah menimbulkan konflik perundangan diantara pasangan Islam dan bukan Islam. Konflik perundangan yang timbul dalam hal ini, hakikatnya telah mengundang reaksi pelbagai pihak mengutarakan pendapat dan kritikan terhadap perkara ini. Sehingga saat kajian ini dibuat, telah banyak penulisan oleh ahli akademik dan perundangan yang membincangkan masalah ini. Perbincangan oleh mereka tentang perkara ini telah bermula seawal pengenalan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Berdasarkan penelitian, penulis mendapati perbincangan oleh mereka antaranya banyak memberi tumpuan khusus kepada kedudukan seksyen 51, Akta 1976 yang merupakan salah satu faktor penyumbang kepada konflik yang berlaku antara undang-undang Islam dan Sivil. Ahmad Ibrahim dalam tulisannya yang bertajuk *Seksyen 51 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 Perlu Dipinda*² telah membincangkan kesan pelaksanaan seksyen 51 Akta tersebut serta keperluan kepada pindaannya. Beliau menghuraikan kesan pelaksanaan seksyen 51 tersebut melalui kes-kes yang berlaku dan yang telah diputuskan pada waktu itu. Antaranya kes *Eeswari Visuvalingam lwn Kerajaan Malaysia*³ dan *Douglas A Pedley lwn Majlis Agama Islam, Pulau Pinang dan Seorang Lain*⁴. Kes-kes tersebut membuktikan bahawa kedudukan perkahwinan pihak-pihak menjadi tidak menentu apabila salah satu pihak memeluk Islam kesan daripada peruntukan seksyen 51 yang hanya memberikan hak kepada pihak yang tidak memeluk Islam membubarkan perkahwinan. Penulis menyarankan peruntukan tersebut dipinda demi memberi keadilan kepada kedua-dua pihak dalam perkahwinan.

Perkembangan penulisan seterusnya dalam perkara ini dapat dilihat apabila isu perundangan berbangkit dari pemelukan Islam oleh salah satu pihak telah mula dijadikan topik perbincangan. Ini dapat dilihat dalam tulisan oleh Shamsuddin Suhor yang bertajuk *Penjagaan Kanak-kanak Selepas Perceraian Di bawah Seksyen 51*.⁵ Di dalam penulisannya ini beliau telah mengkhususkan perbincangan terhadap aspek penjagaan kanak-kanak samada dari segi hak-hak dan tanggungjawab kesan daripada perceraian di bawah seksyen 51. Beliau dilihat membincangkan secara terperinci

² Ahmad Ibrahim (1990), “Seksyen 51 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 Perlu Dipinda”, *Jurnal Undang-Undang*, Jil. 2 Bil. 2, Jun 1990, h. 32-36.

³ [1990] 1 MLJ 86

⁴ [1990] 3 MLJ 307

⁵ Shamsuddin Suhor, “Penjagaan Kanak-Kanak Selepas Perceraian Di bawah Seksyen 51”, *Terbitan Tak Berkala Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia*, Jil. 3, 1991, h. 21-31.

persoalan ini terutamanya berkenaan kedudukan jagaan anak sah taraf dan anak tak sahtaraf.

Selain itu, isu yang berbangkit dari peruntukan seksyen 51 tersebut juga turut dilihat menjadi fokus perbincangan. Sebagai contoh, Prof Ahmad Ibrahim di dalam tulisannya yang bertajuk *Konflik di Antara Syariah dan Common Law di Malaysia: Masalah dan Penyelesaian* telah membincangkan dengan jelas mengenai konflik yang timbul dari peruntukan seksyen 51 Akta 1976 tersebut. Tajuk ini telah dibahaskan di dalam Seminar Syariah dan Common Law pada 16-17 Mei 1992.⁶ Menurut beliau, konflik ini timbul apabila Mahkamah Sivil juga boleh menjalankan bidangkuasanya dalam urusan kekeluargaan sungguhpun pihak yang terlibat terdiri daripada orang Islam. Oleh yang demikian, memandangkan Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa memutuskan sesuatu kes kecuali jika semua pihak yang terlibat menganuti agama Islam, beliau sekali lagi menyarankan pindaan dibuat terhadap peruntukan seksyen 51 sebagai penyelesaiannya.

Selain itu, Ahmad Ibrahim dalam beberapa tulisannya yang lain⁷ telah menumpukan perbincangan beliau kepada kesan pertukaran agama di bawah undang-undang Islam serta perundangan Malaysia. Selain memberi beberapa cadangan pindaan, beliau juga menerangkan faktor-faktor sejarah dan tujuan pemasukan peruntukan seksyen 51 tersebut ke dalam Akta 1976. Penulis berpendapat, perbincangan oleh beliau secara umumnya banyak tertumpu kepada pelaksanaan seksyen 51 Akta 1976 serta

⁶ Ahmad Ibrahim (1992), “Konflik Diantara Syariah dan Common Law di Malaysia: Masalah dan penyelesaian” (Kertas Kerja Seminar Syariah dan Common Law di Malaysia, 16-17 Mei 1992).

⁷ Ahmad Ibrahim (1993), “Dissolution on Ground of Conversion to Islam”, *Malaysian Law News*, Mac 1993, h. 29-34. lihat juga Ahmad Ibrahim (1996), “Pertukaran Agama Islam”, dalam Abdul Monir Yaacob *et al.* (eds.), *Tinjauan Kepada Perundangan Islam*, c. 1. Kuala Lumpur: IKIM, h. 41-78. lihat juga Ahmad Ibrahim (1997), *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*, c. 1. Kuala Lumpur: IKIM, h. 681-703. Berdasarkan penelitian, ketiga-tiga topik perbincangan tersebut tidak mempunyai banyak perbezaan kecuali sedikit penambahan persoalan kebebasan agama selain pengemaskinian kes-kes yang telah diputuskan.

kesannya tanpa menyentuh secara khusus implikasi yang timbul selepas pemelukan Islam oleh salah satu pihak tersebut.

Kepelbagaiannya konflik yang timbul kesan pelaksanaan seksyen 51 tersebut dalam kes-kes yang telah diputuskan telah memperlihatkan penumpuan para penulis beralih kearah membincangkan isu-isu perundangan yang lebih terperinci. Penulisan oleh Muhammad Altaf Hussain Ahangar⁸ yang bertajuk *Effects of Change of Religion On Marriage And Maintenance Obligation: Judicial Responses In Malaysia* telah memfokuskan perbincangan beliau terhadap implikasi yang timbul dalam kes pemelukan Islam terhadap perkahwinan serta kewajipan membayar nafkah oleh pihak yang telah memeluk Islam. Perbincangan oleh beliau adalah berdasarkan kes-kes yang telah diputuskan antaranya kes *Letchumy v Ramadason*⁹, *Tang Sung Mooi v Too Miew Kim*¹⁰ dan *John Fairbain alias Johan Fairbain Abdullah*.¹¹ Kes-kes tersebut membuktikan bahawa pemelukan Islam tidak memberi kesan terhadap kewajipan suami untuk terus membayar nafkah. Penulis menjadikan kajian ini sebagai landasan kajian memandangkan tajuk kajian penulis juga memfokuskan kepada perkara yang hampir sama. Walaubagaimanapun subjek kajian beliau adalah berdasarkan kes-kes yang telah diputuskan manakala penulis pula memberi tumpuan kepada perkara nafkah secara terperinci. Selain itu, beliau turut membincangkan mengenai Undang-Undang Pemelukan Agama Islam di Malaysia dari perspektif undang-undang Sivil dan undang-undang Islam selain daripada tinjauan ringkas perundangan di Kuwait dan juga India.

⁸ Muhammad Altaf Hussain Ahangar (1994), "Effects of Change of Religion on Marriage and Maintenance Obligation: Judicial Responses in Malaysia", *IIUM Law Journal*, Vol. 4 Numbers 1&2, Oktober 1995, h. 125-143.

⁹ [1984] 1 *MLJ* 143.

¹⁰ [1994] 3 *MLJ* 117.

¹¹ New Straits Times, July 29, 1994.

Dari perspektif peruntukan undang-undang itu sendiri, kajian oleh Suwaid Tapah¹² pula, menumpukan perbincangan kepada peruntukan-peruntukan berhubung pemelukan Islam dalam Enakmen negeri-negeri selain meneliti kedudukan Islam dalam perlombagaan. Menurut beliau, terdapat perbezaan dalam peruntukan antara negeri-negeri terutamanya dari aspek undang-undang prosedur dan substantif. Walaubagaimanapun, asas perbincangan beliau adalah berkaitan dengan persoalan kebebasan beragama di Malaysia. Menurut beliau terdapat juga undang-undang yang terpakai ke atas orang Islam dan bukan Islam yang memberi implikasi terhadap kebebasan beragama di negara ini. Beliau juga turut menyentuh persoalan murtad secara ringkas.

Dalam kajian-kajian seterusnya, didapati Zulkifly Muda¹³ di dalam tesis kedoktorannya telah membincangkan berkenaan kesan pertukaran agama dan mazhab terhadap undang-undang diri di Malaysia. Skop perbincangan beliau adalah luas dan tidak terhad kepada kesan pertukaran agama dari suatu agama lain kepada agama Islam sahaja, malah perbincangan juga turut diberikan berhubung kesan pertukaran dari agama Islam atau murtad. Apa yang menarik, memandangkan persoalan nafkah juga termasuk di bawah undang-undang diri, maka persoalan ini juga turut diberikan perhatian dalam kajian ini. Walaubagaimanapun, perbincangan dalam persoalan ini tidak menjadi fokus utama beliau memandangkan skop perbincangan yang dibuat adalah luas dan merangkumi pelbagai aspek. Kajian penulis hadir bagi menjelaskan secara khusus satu isu yang timbul dalam kes pemelukan Islam oleh salah satu pihak daripada pasangan perkahwinan bukan Islam.

¹² Suwaid Tapah (1996), "Pemelukan Islam: Perbincangan Daripada Perspektif Undang-Undang Di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil. 4 Bil. 1, 1996, h. 107-123.

¹³ Zulkifli bin Muda (2000), "Pertukaran Agama & Mazhab: Implikasinya Terhadap Undang-Undang Diri di Malaysia" (PhD, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Zuliza Mohd. Kusrin dalam penulisannya yang bertajuk *Pemelukan Islam: Tinjauan Terhadap Persoalan Nafkah Suami, Isteri dan Anak-anak yang Berlainan Agama*¹⁴ dilihat telah menyentuh salah satu isu kebebasan beragama, iaitu berkenaan tanggungjawab memberi nafkah suami atau isteri dan anak-anak pasangan yang berlainan agama. Walaupun tulisan beliau ini hampir menyamai kajian penulis, namun penulis mendapati perbincangan yang dibuat adalah tidak mendalam. Diharap kajian penulis akan melengkapkan lagi kajian yang telah dilakukan ini. Dalam tulisannya yang bertajuk *Halangan-halangan Perundangan Terhadap Aplikasi Undang-Undang Islam diKalangan Saudara Baru di Malaysia*¹⁵ beliau sekali lagi telah menyentuh secara ringkas isu yang berkaitan. Walaubagaimanapun, perbincangan yang dibuat dalam tulisannya ini dilihat lebih luas dan terarah kepada isu kebebasan beragama dengan membawa peruntukan-peruntukan yang menjadi penghalang kepada pengamalan undang-undang Islam di kalangan saudara baru di Malaysia termasuklah seksyen 51 Akta 1976.

Kecenderungan kajian ke atas konflik yang timbul kesan pelaksanaan seksyen 51 tersebut juga dapat dilihat dalam beberapa tulisan beberapa penulis lain antaranya ialah Narizan Abdul Rahman¹⁶ serta Nuraisyah Chua Abdullah¹⁷ yang telah membincangkan mengenai kesan pemelukan Islam terhadap status perkahwinan serta persoalan berbangkit yang timbul dari perkara tersebut. Narizan Abdul Rahman selain mengulas mengenai isu-isu perundangan berbangkit dari pembubaran perkahwinan di bawah seksyen 51 tersebut, perbincangan agak terperinci diberikan berkenaan persoalan

¹⁴ Zuliza Mohd. Kusrin (2000), "Pemelukan Islam: Tinjauan Terhadap Persoalan Nafkah Suami, Isteri dan Anak-anak yang Berlainan Agama" (Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam ke-2 di Universiti Kebangsaan Malaysia, 9-10 November 2000).

¹⁵ Zuliza Mohd. Kusrin & Mohd. Zamro Muda (2002), "Halangan-halangan Perundangan Terhadap Aplikasi Undang-Undang Islam diKalangan Saudara Baru di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Pengajian Dakwah Malaysia- Indonesia di Universiti Kebangsaan Malaysia, 18 Mei 2002).

¹⁶ Narizan Abdul Rahman (2002), *Hak-hak Kekeluargaan Pasangan Berlainan Agama*. Universiti Malaya: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam.

¹⁷ Nuraisyah Chua Abdullah (2004), "Conversion To Islam-Effect On status Of Marriages And Ancillary Reliefs", Kuala Lumpur: International Law Book Services.

pembubaran perkahwinan selain turut menghuraikan secara ringkas persoalan nafkah, jagaan dan penjagaan anak-anak, harta perkahwinan, harta pusaka serta tuntutan pence. Manakala Nuraisyah Chua Abdullah, dalam memperkatakan tentang persoalan tersebut turut meneliti kedudukan perundangan di India dalam perkara ini.

Narizan Abdul Rahman,¹⁸ dalam ulasannya terhadap penulisan-penulisan lalu mengenai bidangkuasa Mahkamah Syariah serta konflik undang-undang Sivil dan Syariah turut menyorot penulisan terdahulu berkenaan persoalan yang timbul dalam masalah pemelukan Islam. Ini memandangkan persoalan pemelukan Islam oleh salah satu pihak daripada pasangan perkahwinan bukan Islam juga merupakan salah satu faktor penyumbang kepada konflik berkenaan. Menurut beliau, persoalan tentang pemelukan Islam dan perkara yang berkaitan dengannya telah diberi perhatian mendalam oleh para sarjana perundangan tempatan dan asing. Selain itu, beliau turut menganalisis isu-isu serta menyorot kajian penulisan-penulisan terdahulu berkaitan jenayah Islam, kebebasan beragama dan hak asasi, pentadbiran pusaka, wakaf, perbankan dan kewangan Islam serta undang-undang keterangan.

Perbincangan mengenai masalah berbangkit serta konflik terkini yang timbul dalam kes pemelukan Islam ini juga dapat dilihat dalam beberapa penulisan oleh Najibah Mohd Zain. Antaranya ialah artikel beliau yang bertajuk *Pembubaran Perkahwinan dan Permasalahan Berbangkit*.¹⁹ Secara umumnya perbincangan yang dibuat adalah luas yang mana merangkumi semua jenis pembubaran perkahwinan. Namun, di bawah perbincangan mengenai pembubaran perkahwinan yang berlaku akibat daripada pemelukan Islam oleh salah satu pihak dari pasangan bukan Islam,

¹⁸ Narizan Abdul Rahman (2005), "Bidangkuasa Mahkamah dan Konflik Perundangan", dalam Ahmad Hidayat Buang, *Mahkamah Syariah di Malaysia-Pencapaian dan Cabaran*, c.1. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

¹⁹ Najibah Mohd Zin (2006), "Pembubaran Perkahwinan dan Permasalahan Berbangkit", dalam Abdul Monir Yaacob *et al.* (eds.), *Manual Undang-Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: IKIM, h. 161-182.

beliau lebih jelas memperkatakan mengenai konflik bidangkuasa yang timbul dalam kes demikian. Ianya adalah berpunca daripada pemakaian undang-undang di Mahkamah Syariah atau di Mahkamah Awam.

Seterusnya beliau didapati telah melanjutkan perbincangan ini di bawah tajuk *Pertukaran Agama: Kesan Terhadap Status Perkahwinan dan Tuntutan Relief Sampingan*.²⁰ Selain menyentuh berkenaan kesan pemelukan agama Islam terhadap status perkahwinan serta tuntutan relief sampingan, kajian ini juga telah menyentuh persoalan berkenaan punca-punca yang menyebabkan tercetusnya konflik akibat dari pemelukan agama Islam oleh salah satu pihak daripada pasangan bukan Islam tersebut. Perbincangan dalam persoalan ini seringkali akan membawa kepada rujukan terhadap beberapa kes yang berkaitan seperti, kes *Tang Sung Mooi lwn Too Miew Kim*²¹, *Eeswari Visuvalingam lwn Government of Malaysia*²², *Pedley lwn Majlis Ugama Islam Pulau Pinang & Anor*²³ dan beberapa kes lain. Apa yang lebih menarik, beliau selanjutnya telah mengulas berkenaan konflik undang-undang yang timbul berikutan dari pemelukan Islam oleh salah satu pihak daripada pasangan bukan Islam.²⁴ Walaubagaimanapun, kedua-dua kajian beliau ini dilihat lebih terarah kepada penyelesaian konflik yang timbul dimana punca utama timbulnya konflik adalah apabila pihak yang terlibat adalah tertakluk kepada dua undang-undang yang berbeza iaitu undang-undang Islam dan undang-undang Sivil.

²⁰ Najibah Mohd Zin (2006), " Pertukaran Agama: Kesan Terhadap Status Perkahwinan dan Tuntutan Relief Sampingan", dalam Abdul Monir Yaacob *et al.* (eds.), *Manual Undang-Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 183-201.

²¹ [1994] 3 MLJ 117

²² [1990] 1 MLJ 86

²³ [1990] 3 MLJ 307

²⁴ Najibah Mohd Zin (2007), "Resolving the Conflicts in Family Disputes Involving Conversion of a Spouse to Islam Under the Malaysian Law", *The Law Review*, jil. 1, 2007, h. 61-71.

Hasil dari kajian-kajian literatur yang terdahulu, adalah sesuatu yang signifikan apabila kajian ini mengupas secara mendalam satu implikasi perundangan yang timbul kesan daripada pemelukan Islam oleh salah satu pihak daripada pasangan bukan Islam, iaitu implikasi terhadap hak-hak nafkah isteri dan anak dalam tanggungan samada anak angkat, anak sah taraf serta anak tak sahtaraf. Memandangkan persoalan ini merupakan isu semasa yang berlaku dalam masyarakat dan belum selesai hingga ke hari ini, maka kajian ini akan membincangkan isu-isu terkini yang sememangnya memerlukan penjelasan dan penyelesaian yang mana akan diketengahkan dan dibincangkan dengan lebih mendalam. Kajian terperinci akan dibuat berdasarkan perundangan yang ada serta keadaan dan kedudukan pihak-pihak yang terlibat agar penyelesaian masalah dapat dicapai. Justeru kajian ini berupaya menyentuh atau mengkaji isu-isu yang belum disentuh oleh penyelidik-penyalidik lain. Oleh yang demikian, kajian ini akan meneroka dan mencadangkan aspek-aspek penyelesaian yang praktikal dan boleh digunakan dalam menyelesaikan isu yang timbul dalam masalah yang dikaji.

VIII. Metodologi Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini beberapa metod penyelidikan digunakan. Antara metod-metod tersebut ialah:

a) Metod Penentuan Subjek

Penulis menggunakan metod ini dalam menentukan subjek kajian mengikut kaedah *sampling*. Akta serta Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri dan Akta 1976 sebagai subjek kajian penulis. Kajian dan penelitian dilakukan terhadap

kedua-dua undang-undang tersebut serta dikukuhkan dengan kes-kes yang telah diputuskan.

b) Metod Pengumpulan Data

Metod berikut digunakan dalam proses pengumpulan data berkaitan subjek kajian:

a) Dokumentasi

Melalui metod ini, segala data yang berkaitan dengan tajuk kajian dikumpul dan diperolehi melalui pelbagai sumber iaitu melalui media elektronik seperti internet dan media bukan elektronik seperti kitab-kitab fiqh, buku, akhbar, jurnal, tesis, disertasi serta akta dan enakmen yang terlibat. Metod ini perlu untuk mendapatkan maklumat dari aspek Fiqh dan dari sudut perundangan Malaysia samada perundangan Sivil dan Syariah. Manakala medium elektronik seperti internet juga digunakan untuk memperolehi persoalan semasa yang lebih umum seperti konflik-konflik yang timbul dalam masyarakat berkaitan masalah yang dikaji.

Bagi memperolehi sumber-sumber dari media tersebut, beberapa institusi dan perpustakaan dikunjungi. Antara Institusi yang dikunjungi ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya; Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya; Perpustakaan Undang-Undang, Universiti Malaya; Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya; Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia; Perpustakaan Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia; Perpustakaan Utama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; Perpustakaan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia;

dan Perpustakaan Institut Kefahaman Islam Malaysia. Seterusnya segala rujukan dicatat dengan teliti bagi memudahkan rujukan sewaktu diperlukan semasa proses analisis data dilakukan.

b) Temubual

Temubual merupakan salah satu kaedah mengumpul maklumat yang utama dalam kajian tinjauan. Ia dilakukan secara lisan (perbualan), dan jawapan direkod oleh pengkaji secara bertulis, melalui rakaman kaset, video dan media elektronik yang lain.²⁵ Ia didefinisikan sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian.²⁶ Penulis menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan maklumat dari sudut pengalaman menghadapi dan menangani isu-isu yang sering timbul dalam masalah yang dikaji.

Antara responden yang terlibat ialah, Hakim Mahkamah Syariah serta ahli perundangan yang terlibat. Metod ini juga adalah perlu memandangkan isu yang dibincangkan berkaitan dengan amalan undang-undang. Maka, melalui kaedah ini maklumat terutamanya dari sudut pengalaman mengendalikan kes-kes yang timbul dalam masalah ini dapat diperolehi.

²⁵ Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill, h. 113.

²⁶ *Ibid.*, h. 114.

c) Metod Pengolahan dan Penganalisaan Data

Data-data yang diperolehi akan dianalisa berdasarkan metod penganalisaan yang tertentu, ia amat penting bagi mendapatkan hasil kajian yang terbaik. Dalam usaha mengolah dan menganalisis data, penulis menggunakan tiga metod yang sesuai. Metod-metod tersebut ialah metod induktif, deduktif dan komparatif.

a) Induktif

Metod ini bermaksud menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang bersifat umum.²⁷ Metod ini digunakan bagi melakukan analisis terhadap data yang diperolehi berkaitan konflik perundangan yang timbul dalam kes pemelukan Islam terhadap perkara nafkah. Maklumat tersebut dikumpulkan secara berterusan bagi mencari penyelesaian terhadap fenomena yang dikaji.

b) Deduktif

Metod ini digunakan dalam menganalisa data dan membuat kesimpulan berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil-dalil yang bersifat umum kepada hal-hal yang khusus.²⁸ Metod ini penulis gunakan bagi membuat analisis data-data yang diperolehi. Seterusnya satu penilaian dan kesimpulan dibuat berdasarkan sumber-sumber tersebut mengenai persoalan kajian. Hasilnya ia dijadikan fakta bagi mengukuhkan perbincangan yang akan dibuat.

²⁷ Abdul Halim Mat Diah (1987), *Satu Contoh Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 117.

²⁸ Imam Bernadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Penerbit AP-IKIIP, h. 52.

c) Komparatif

Membuat perbandingan data-data iaitu peruntukan Undang-Undang Keluarga yang terpakai di Malaysia. Antara statut yang digunakan ialah Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri serta Akta 1976. Perbandingan ini perlu memandangkan peruntukan undang-undang tersebut melibatkan kedua-dua pihak samada pasangan Islam atau bukan Islam. Selain itu juga perbandingan yang dibuat untuk melihat kekuatan dan kelemahan peruntukan yang ada dalam kedua-dua undang-undang tersebut. Justeru hasil analisis tersebut akan menguatkan hujah dalam disertasi ini.

IX. Sistematika Penulisan

Kajian ini ditulis dalam beberapa bab yang telah ditetapkan, ia disusun mengikut kaedah penulisan Disertasi iaitu:

Pendahuluan: Mengandungi pendahuluan, latarbelakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kajian literatur, metodologi penyelidikan serta sistematika penulisan.

Bab Pertama: Mengandungi pengenalan kepada tajuk kajian antaranya konsep pemelukan agama Islam, syarat-syarat serta kaedah-kaedah dan prosedur pemelukan agam Islam menurut perundangan Malaysia. Kupasan turut diberikan terhadap implikasi pemelukan agama Islam terhadap satus perkahwinan.

Bab Kedua: Mengandungi pernyataan persoalan utama kajian iaitu berkenaan persoalan nafkah. Kupasan akan diberikan terhadap kewajipan memberi nafkah serta sebab-sebab diwajibkan nafkah keatas suami. Termasuk dalam bab ini ialah berkenaan implikasi pemelukan agama Islam terhadap hak-hak nafkah menurut syarak dan enakmen negeri. Ulasan dibuat terhadap nafkah isteri atau bekas isteri serta nafkah anak, samada anak kandung, anak angkat atau anak tak sahtaraf.

Bab Ketiga: Juga mengandungi keterangan persoalan pokok kajian berdasarkan undang-undang Sivil. perbincangan adalah berkenaan hak-hak nafkah serta implikasi pemelukan Islam terhadap hak-hak nafkah menurut undang-undang Sivil.

Bab Empat: Analisa data bagi melihat faktor-faktor yang menimbulkan konflik dalam masalah yang dikaji iaitu nafkah bagi kes pemelukan Islam. Ia merupakan bab yang paling penting dalam kajian ini. Penekanan diberikan terhadap isu-isu yang telah penulis bataskan iaitu implikasi yang timbul dalam kes pemelukan Islam terhadap nafkah.

Bab Kelima: Merupakan bab terakhir di dalam kajian, meliputi kesimpulan dan rumusan serta cadangan penulis kepada pihak-pihak tertentu bagi menyelesaikan konflik yang timbul dalam masalah yang dikaji.